



JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA

7 DISEMBER 2023 (KHAMIS)

Ayam jauh lebih murah selepas apungan harga

MEDIA

Kosmo

RUANGAN

Negara

MUKA SURAT

16

TARIKH

7 Dis

16 **Negara!**

Harga purata ayam RM8.08 hingga RM8.80 per kilogram

Ayam jauh lebih murah selepas apungan harga

Oleh ZULKIFLI MANZOR

KUALA LUMPUR – Harga ayam bulat standard dan super di pasaran runcit jauh lebih murah berbanding harga kawalan RM9.40 per kilogram selepas kerajaan menamatkan subsidi ayam dan harga kawalan ayam bermula 1 November lalu.

Timbalan Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), Fuziah Salleh berkata, selepas kerajaan mengapungkan harga ayam, harga purata ayam di Semenanjung Malaysia dari RM8.08 hingga RM8.80 per kilogram bergantung kepada negeri.

"Kerajaan berpendirian tidak menetapkan harga kawalan ayam adalah polisi terbaik dalam menjamin keberadaan bekalan stabil dan keterjaminan makanan serta merencanakan pemulihan ekonomi dalam sistem ekonomi pasaran bebas.

"Sekiranya harga ayam terus meningkat, kerajaan mempunyai pelbagai punca kuasa dari segi akta dan mekanisme bagi memastikan tiada elemen pencatutan di pasaran," katanya pada sidang Dewan Negara di sini semalam.

Beliau menjawab soalan Da-



ORANG ramai memilih membeli ayam segar yang dijual dengan harga murah di Alor Setar, Kedah baru-baru ini.

tuk Juhanis Abd. Aziz mengenai tindakan KPDN sekiranya harga ayam di pasaran terus meningkat disebabkan tiada lagi subsidi dari kerajaan atau kawalan harga dikenakan.

Mengulas lanjut, Fuziah berkata, di samping itu, permit import

(AP) untuk mengimport ayam bulat telah dimansuhkan oleh kerajaan.

Kata beliau, jika harga ayam melonjak dalam pasaran tempatan, para pengimport boleh mengimport ayam dari luar negara jika harga ayam luar negara

lebih murah.

"Subsidi bersasar yang akan mula dilaksanakan pada tahun 2024 dijangka dapat membantu dalam mengurangkan impak (cushioning) kenaikan harga ayam di masa hadapan," katanya lagi.

TERIMA KASIH

DISEDIAKAN OLEH:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR